

**Datuk Abdul Latiff Mirasa**

Kompleks yang gagah berdiri dengan keunikan kaligrafi yang penuh kesenian yang menyerlah membuatkan setiap jiwa pengunjungnya tenang dan damai. Kompleks yang diberi nama Nasyrul Quran menjadi pusat penyalinan dan percetakan mashaf al-Quran untuk kegunaan domestik dan luar negara ini memberikan pengalaman yang berbeza buat pengunjungnya.

Bertempat di Presint 14, Putrajaya, Nasyrul Quran yang mula beroperasi pada 13 Jun 2017 ini dianggap mercu tanda percetakan al-Quran Malaysia. Kompleks ini menempatkan tiga bahagian galeri utama, iaitu Galeri Mashaf Malaysia, Galeri Mashaf Antarabangsa dan Galeri Seni Bina dan Hiasan Dalaman. Galeri Mashaf Malaysia mempamerkan manuskrip al-Quran yang ditulis sepenuhnya dan dihiasi dengan corak kesenian negara ini yang memcerminkan budaya dan peradaban masyarakat di Malaysia. Galeri Mashaf Antarabangsa pula mengandungi pelbagai jenis al-Quran Mashaf Antarabangsa Umm termasuk Mashaf Nusantara, Mashaf Afrika, Mashaf India, Mashaf Rusia, Mashaf Palestin dan Mashaf Senegal.

Galeri Seni Bina dan Hiasan Dalaman di Kompleks Nasyrul Quran ini pula berperanan mempamerkan motif, kaligrafi, konsep, visual, reka bentuk dan iklan seni bina serta hiasan dalaman bagi masjid, surau, hotel, istana dan sebagainya. Kesemua hiasan yang dipamerkan berteraskan kesenian Islam dan al-Quran yang menjadi matlamat utama Yayasan Restu sebagai organisasi yang bertanggungjawab terhadap penubuhan Nasyrul Quran.

Sidang editor *Dewan Ekonomi* (DE) berpeluang mewawancara Ketua Pegawai Eksekutif Nasyrul Quran, iaitu Datuk Abdul Latiff Mirasa yang berjiwa besar untuk berkongsi aspirasi beliau berdakwah melalui perniagaan yang boleh dijadikan inspirasi. Ikuti wawancara kami dengan ikon perniagaan yang hebat ini.

Nasyrul Quran

Pencetak al-Quran Terbesar di Malaysia

DE: Bolehkah Datuk ceritakan tentang latar belakang Datuk?

ALM: Saya merupakan anak jati Pulau Pinang. Saya dilahirkan pada 1 April 1945 di Butterworth, Seberang Perai. Saya mendapat pendidikan awal di sini sebelum menyambung pengajian di Institut Bahasa, Lembah Pantai, Kuala Lumpur. Saya memperoleh Sijil Pendidikan di Institut Bahasa pada tahun 1967 sebelum menyambung pengajian di Universiti Malaya dalam bidang Sejarah. Saya kemudiannya menyambung pengajian ke peringkat sarjana dalam bidang Bimbingan dan Kaunseling pada tahun 1981 di Western Michigan University, Amerika Syarikat.

Saya memulakan kerjaya sebagai pendidik pada tahun 1968 hingga tahun 1978 di beberapa buah sekolah menengah. Kemudian saya dilantik sebagai Koordinator Bahasa Melayu di Universiti Sains Malaysia (USM) hingga tahun 1980 sebelum bergelar pensyarah di USM hingga tahun 1995. Dalam tempoh tersebut, pada tahun 1987 hingga 1990 saya telah dipinjamkan sebagai Ketua Setiausaha Sulit di Pejabat Timbalan Menteri Kewangan dan Pejabat Timbalan Menteri Kesihatan sebelum diamanahkan sebagai Timbalan Ketua Pengarah Biro Tatanegara di Jabatan Perdana Menteri di bawah pimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamed.

Saya juga aktif dalam politik apabila dilantik sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan Exco Tanah, Hal Ehwal Pengguna, Pembangunan Keusahawanan dan Alam Sekitar Negeri Pulau Pinang setelah memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri Seberang Jaya dalam Pilihan Raya Umum ke-9. Saya bergiat aktif dalam aktiviti politik di Pulau Pinang pada tahun 1995 hingga tahun 2000.

DE: Bolehkah Datuk ceritakan tentang profil perniagaan yang Datuk ceburi ini?

ALM: Saya bukanlah tergolong dalam kalangan yang mempunyai latar belakang keluarga yang terlibat dengan perniagaan. Saya sendiri bukanlah seorang yang memiliki ilmu dan pengalaman yang berkaitan dengan bidang perniagaan. Walau bagaimanapun, saya bernekad untuk menceburi bidang ini dengan matlamat untuk memartabatkan bidang pendidikan, dakwah dan al-Quran dalam kalangan rakyat Malaysia.


Nasyrul Quran merupakan sebahagian daripada Yayasan Restu. Yayasan Restu ditubuhkan pada tahun 1987 ketika saya terlibat dengan kegiatan penyalinan al-Quran secara kecil-kecilan sewaktu menerajui ALM Group of Companies. Kemudian, saya bersama-sama seorang rakan iaitu saudara Zainuddin dari Black & Brown Resources Sdn. Bhd. mula terfikir bahawa Malaysia wajar memiliki manuskrip al-Qurannya yang tersendiri. Al-Quran ini kelak dapat menzahirkan budaya, peradaban dan imej jati diri Muslim di Malaysia.

Berbekalkan latar belakang seorang penyelidik semasa di USM, kami telah membuat kajian yang terperinci dalam segala aspek dan cabang yang berkaitan dengan al-Quran. Hal ini sedikit banyak sangat membantu usaha merealisasikan ilham untuk menghasilkan manuskrip al-Quran versi Malaysia.

Yayasan Restu ditubuhkan atas kesedaran terhadap kepentingan kesenian Islam yang perlu didaulatkan, dijaga dan dipelihara agar tidak pupus oleh arus kemodenan. Yayasan Restu juga diasaskan demi menghidupkan semula seni Islam di Asia Tenggara dan rantau lain di seluruh dunia bagi mendidik masyarakat tentang keutamaan nilai kesenian Islam dalam kehidupan. Selain itu, matlamat utama Yayasan Restu ditubuhkan adalah untuk tujuan dakwah dan penyebaran mesej Islam ke seluruh dunia.

Nasyrul Quran merupakan satu daripada perkhidmatan yang disediakan

Nasyrul Quran bermatlamat untuk mencetak satu juta salinan al-Quran setiap tahun dengan 70 peratus daripadanya untuk penggunaan domestik, manakala selebihnya disumbangkan kepada negara lain.



di bawah Yayasan Restu. Kompleks ini terletak di Presint 14, Putrajaya yang merupakan pusat pengeluaran al-Quran kedua terbesar di dunia selepas Kompleks Raja Fahd di Madinah, Arab Saudi. Nasyrul Quran memainkan peranan yang penting dalam penyebaran al-Quran kepada masyarakat dan golongan yang memerlukan.

DE: Apakah faktor yang mendorong Datuk terlibat dalam perniagaan ini?

ALM: Tugas menyebarkan al-Quran merupakan tanggungjawab setiap umat Islam. Nasyrul Quran juga dibina untuk mendukung peranan penyebaran al-Quran kepada masyarakat dan golongan yang memerlukan. Nasyrul Quran bermatlamat untuk mencetak satu juta salinan al-Quran setiap tahun dengan 70 peratus daripadanya untuk penggunaan domestik, manakala selebihnya disumbangkan kepada negara lain.

Melalui Nasyrul Quran, saya mengharapkan agar negara Malaysia berupaya menjadi penyumbang dan pemangkin kepada usaha menghasilkan serta mengedarkan al-Quran terbitan tempatan kepada dunia. Kami di Nasyrul Quran sangat mengalu-alukan kehadiran rakyat

Malaysia untuk melihat dan belajar tentang proses penghasilan al-Quran. Matlamat penubuhan Yayasan Restu dan Nasyrul Quran bukanlah semata-mata untuk menjual al-Quran, sebaliknya mengangkat keunikan budaya Malaysia melalui al-Quran.

Kami amat bersyukur dengan kepercayaan yang diberikan oleh pihak luar terhadap keupayaan dan kemahiran warga kerja Nasyrul Quran dalam penghasilan al-Quran. Antara mashaf al-Quran yang dihasilkan oleh Nasyrul Quran termasuklah mashaf untuk negara Kuwait, Bahrain, Brunei, Sarawak dan Yaman. Kepercayaan inilah secara tidak langsung dapat mengangkat hasil produk dan imej Yayasan Restu dan Nasyrul Quran di mata dunia.

DE: Apakah prinsip atau falsafah Datuk untuk berjaya dalam bidang yang diceburi ini?

ALM: Bidang perniagaan merupakan satu daripada jalan untuk berdakwah kepada masyarakat. Melalui penampilan akhlak dan sahsiah diri yang terbaik serta penawaran produk dan perkhidmatan yang berkualiti tinggi dapat membuka mata masyarakat lebih-lebih lagi golongan bukan Islam tentang keunikan Islam berdasarkan al-Quran.

Yayasan Restu dan Nasyrul Quran berada pada tahapnya pada hari ini bukanlah sesuatu yang boleh dicipta dalam masa setahun. Sebagai organisasi yang berdakwah melalui al-Quran dan kesenian Islam, organisasi ini diperkukuhkan dengan visi yang diterapkan dalam seluruh aspek kitaran kerja. Antaranya termasuklah menjadikan Nasyrul Quran sebagai pusat penerbitan dan percetakan al-Quran yang dapat memenuhi keperluan pelanggan dengan penghasilan produk yang berkualiti, berinovasi serta sentiasa berusaha meningkatkan pengeluaran untuk menyebarkan syiar Islam secara global.

Saya menetapkan misi dengan mengutamakan kepuasan pelanggan, kualiti dan cetakan produk yang cepat, meningkatkan keupayaan penerbitan serta perkembangan yang sejajar dengan kemajuan teknologi. Hal ini yang menyumbang kepada kekukuhan prestasi organisasi ini di mata masyarakat.

DE: Apakah strategi yang digunakan oleh Datuk untuk memajukan atau mengembangkan perniagaan?

ALM: Antara strategi yang kami gunakan adalah dengan menjalinkan hubungan baik dengan pihak dalam dan luar

negara bagi memperkenalkan produk yang dikeluarkan oleh Yayasan Restu dan Nasyrul Quran. Kami mengambil bahagian dalam banyak pameran serta berjaya mencapai pelbagai pengiktirafan tempatan mahupun antarabangsa. Kejayaan ini berikutan daripada kecemerlangan dalam mendaulatkan sektor kesenian Islam dan al-Quran. Antara pengiktirafan yang diterima oleh Yayasan Restu dan Nasyrul Quran termasuklah Gold Award Islamic Art Tourism Centre dan The Best OSH Practice- Door to Door.

Selari dengan pelan strategik modal insan yang diterapkan, selain Nasyrul Quran, kami juga menubuhkan sebuah institusi pengajian tinggi, iaitu Kolej Antarabangsa Restu yang berdaftar di bawah Kementerian Pendidikan dan Kementerian Dalam Negeri. Antara kursus yang ditawarkan di kolej ini termasuklah Bidang Seni Halus dan Reka Bentuk, Teknologi Maklumat dan Multimedia, Pengajian Islam dan Sains Sosial.

Kami juga menawarkan latihan industri kepada para pelajar dalam pelbagai bidang termasuklah bidang al-Quran, kesenian Islam dan perniagaan. Bahkan terdapat banyak dalam kalangan pekerja tetap di organisasi ini merupakan bekas pelatih industri yang diambil bekerja setelah tamat pengajian.

Selain itu, kami menubuhkan YR Publication Sdn. Bhd. yang merupakan syarikat di bawah naungan Yayasan Restu. Syarikat ini beroperasi sebagai penyokong kepada aktiviti penerbitan al-Quran dan bahan bacaan yang dihasilkan oleh Yayasan Restu. Syarikat ini juga menyediakan pelbagai perkhidmatan kepada umum seperti perkhidmatan memeriksa, mengesahkan dan membetulkan ayat al-Quran serta hadis; perkhidmatan menyunting buku, risalah dan poster; perkhidmatan menterjemah dan membaca pruf; dan perkhidmatan penerbitan buku yang ditempah khas.

DE: **Nasihat, motivasi atau harapan kepada mereka yang mencari arah dan peluang untuk meningkatkan taraf ekonomi?**

ALM: Saya sentiasa mengingatkan diri dan kakitangan saya khususnya bahawa perniagaan adalah satu daripada jalan kita berdakwah. Saya berharap untuk mendidik setiap Muslim dan masyarakat agar benar-benar mencintai dan menjunjung tinggi keagungan al-Quran serta menzhahirkan keindahan al-Quran

tersebut melalui akhlak Islam yang terpuji dan sempurna. Hal ini secara tidak langsung dapat menarik golongan bukan Islam terhadap Islam seterusnya berhasrat untuk kembali kepada fitrah, iaitu memeluk agama Islam.

Apabila berbicara soal perniagaan, ingin saya tekankan bahawa perniagaan bukan berkisar tentang keuntungan semata-mata. Sebaliknya, kita meletakkan keyakinan bahawa rezeki dan kekayaan duniawi adalah atas izin Allah SWT, bukan semata-mata kerana kemahiran, keupayaan dan usaha sendiri. Maka itu, sebelum memulakan tugas atau perniagaan, perbaikilah niat dan ikhlaskan hati untuk menjalankan urusan perniagaan kerana Allah SWT. Sematkanlah dalam diri bahawa perniagaan juga merupakan jalan dakwah dan berusaha membantu golongan yang kurang bernasib baik. Dengan cara ini, Insya-Allah rezeki yang datang tanpa kita jangka dan sedari.

Sematkan dalam minda bahawa al-Quran merupakan kitab yang membawa manusia baik yang beragama Islam mahupun bukan Islam ke jalan yang benar dan lurus. Kalam Allah SWT ini membawa kita mengenal Pencipta dan menjadi rujukan dan panduan untuk kita melalui kehidupan dunia yang serba mencabar demi mencari kehidupan yang kekal abadi. **EKO**



Sematkan dalam minda bahawa al-Quran merupakan kitab yang membawa manusia baik yang beragama Islam mahupun bukan Islam ke jalan yang benar dan lurus.



Nasyrul Quran

Pusat Pengeluaran Al-Quran Kedua Terbesar di Dunia

Nasyrul Quran yang terletak di Presint 14, Putrajaya merupakan pusat pengeluaran al-Quran yang kedua terbesar di dunia selepas Kompleks Raja Fahd di Madinah, Arab Saudi. Nasyrul Quran berperanan untuk menyebarkan al-Quran kepada masyarakat bukan sahaja dalam kalangan rakyat Malaysia, sebaliknya usaha ini turut merentas dunia.

Nasyrul Quran merupakan sebahagian daripada usaha Yayasan Restu yang menawarkan pelbagai perkhidmatan selain penyalinan mashaf al-Quran yang menggabungkan elemen kesenian Islam dalam penghasilan mashaf yang menahirkan budaya, peradaban dan imej Muslim



di Malaysia. Nasyrul Quran menetapkan sasaran untuk mencetak satu juta salinan al-Quran setahun dengan 70 peratus daripadanya adalah untuk kegunaan domestik, dan selebihnya untuk disumbangkan ke negara-negara luar.

Yayasan Restu menetapkan matlamat untuk menjadikan Nasyrul Quran sebagai pusat penerbitan dan percetakan al-Quran yang dapat memenuhi kehendak pelanggan dengan penghasilan produk yang berkualiti, berinovasi dan berusaha meningkatkan pengeluaran seiring dengan usaha menyebarkan syiar Islam di peringkat global. Misi yang diterapkan dalam organisasi ini termasuklah aspek kepuasan pelanggan, kualiti produk dan cetakan yang cepat, meningkatkan keupayaan penerbitan serta perkembangan yang seiring dengan teknologi digital hari ini yang membantu menyumbang ke arah pengukuhan Yayasan Restu di mata masyarakat.

Terdapat tiga bahagian galeri di dalam Nasyrul Quran, iaitu Galeri Mashaf Malaysia, Galeri Mashaf Antrabangsa dan Galeri Seni Bina dan Hiasan Dalam. Al-Quran Mashaf Malaysia yang terdapat di Galeri Mashaf Malaysia ialah manuskrip yang ditulis sepenuhnya. Mashaf ini ditulis dan dihiasi dengan corak yang melambangkan kesenian, motif dan kebudayaan yang terdapat di Malaysia. Galeri Mashaf Antarabangsa menempatkan al-Quran pelbagai mashaf antrabangsa. Antaranya termasuklah Mashaf Khmer, Mashaf Thailand, Mashaf Mandarin, Mashaf India, Mashaf Rusia, Mashaf Palestin dan Mashaf Nur Fatimah. Yang menariknya, Nasyrul Quran juga mempamerkan kaligrafi, motif, reka bentuk dan seni bina dalam untuk masjid, surau, hotel, istana dan sebagainya yang menampilkan kesenian Islam dan al-Quran melalui jubin dan PVC. Untuk rekod, hasil reka bentuk dan corak hiasan dalam Nasyrul Quran telah digunakan dalam beberapa projek seperti Masjid Seribu Selawat Al-Badr, Pulau Pangkor, Masjid Teluk Murah dan Masjid Segari. Pengalaman menelusuri setiap sudut di dalam Nasyrul Quran mencipta memori indah yang tersendiri buat pengunjungnya. Nasyrul Quran sentiasa terbuka dan mengalu-alukan pengunjung untuk menimba ilmu dan pengalaman tentang kalam Allah di Nasyrul Quran. **EKO**

